

CNS7695

U GU 24-08 00162 BA613

aab

Mahathir - UIA

UIA PERLU PERJUANGKAN IMEJ ISLAM

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Universiti Islam Antarabangsa (UIA) perlu memainkan peranan untuk memperjuangkan dan meningkatkan imej Islam yang begitu rendah kedudukannya dalam pandangan dunia amnya.

UIA juga perlu membetulkan andaian dan pengetahuan cetek mengenai agama, masyarakat dan ekonomi Islam, katanya ketika merasmikan majlis Meletak Batu Asas Kampus UIA di Gombak, dekat sini, hari ini.

Di samping itu, UIA perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukir kecemerlangan dalam bidang-bidang tertentu supaya ia mendapat pengiktirafan yang lebih meluas daripada kalangan akademik dan masyarakat antarabangsa.

"Matlamat UIA hendaklah untuk menjadi institusi pelajaran tinggi yang diiktiraf dan dihormati bukan sahaja oleh dunia Islam tetapi juga dunia pelajaran tinggi amnya," katanya.

Dr Mahathir berkata potensi untuk UIA ditampilkan sebagai pusat pendidikan tinggi antarabangsa adalah begitu luas sekali jika dibandingkan dengan universiti-universiti tempatan yang lain. -- lagi.

▼24/08/12-13MST

U GU 24-08 00175 BA615

aab

Mahathir - UIA 2 Kuala Lumpur

"Ini adalah kerana beberapa ciri keistimewaan dan kekuatan yang ada pada UIA," kata Perdana Menteri.

Mengenai menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi antarabangsa, Dr Mahathir berkata terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang menyokong serta menampilkan peluang untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat antarabangsa bagi penyelidikan tinggi.

"Tumpuan perkembangan ekonomi dunia kini telah beralih kepada Kawasan Pasifik, katanya.

Pertumbuhan ekonomi, khususnya di kalangan negara-negara perindustrian baru (NIC) telah merangsangkan persaingan yang begitu hebat dan setiap negara sedar bahawa persaingan mereka perlu meningkatkan pelaburan dalam pembangunan sumber manusia.

Perdana Menteri berkata terdapat 75,000 pelajar Asean menuntut di luar negara bagi tahun 1988. Lebih kurang 85 peratus daripada pelajar itu tertumpu di Amerika Syarikat, Britain, Australia, Jerman, Kanada, Jepun dan Perancis.

Tetapi perubahan dasar berhubung dengan yuran, iaitu pengenalan yuran penuh bagi pelajar asing di negara-negara tertentu dan faktor kadar pertukaran wang asing, telah memaksa kerajaan-kerajaan dan ibu bapa untuk memikirkan negara alternatif yang sesuai. -- lagi.

▼24/08/12-42MST

aab

Mahathir - UIA 3 Kuala Lumpur

Malaysia memainkan peranan yang aktif pada forum antarabangsa dan serantau seperti Kerjasama Selatan-Selatan, Kumpulan 15, Pertubuhan Persidangan Islam dan Asean. Kerajaan telah mengemukakan cadangan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan serta kesediaan untuk membuka peluang dan kemudahan yang berkaitan di negara ini.

"Di sini timbullah peluang bagi negara ini mengatur strategi dan tindakan untuk menarik sebahagian daripada pasaran pelajar ini dan menyumbangkan 'reverse flow' pelajar Asean."

Dr Mahathir berkata usaha untuk menarik pelajar-pelajar asing dan selaras dengan arus mengantarabangsakan pendidikan tinggi memerlukan institusi-institusi tempatan memberi tumpuan kepada isu-isu yang lebih luas.

Antara yang perlu dilakukan ialah mengubahsuai kandungan program, kaedah pengajaran dan sistem pemindahan kredit, kaunseling dan sokongan sosial dan bahasa pengantaraan pada peringkat fakulti, institusi dan peringkat sistem pendidikan tinggi itu sendiri bagi memudahkan penerimaan pelajar asing.

"Apakah profil dan sistem pembangunan staf, organisasi serta pembiayaan penyelidikan yang sedia ada tidak perlu diubahsuai untuk menghadapi cabaran yang berbangkit daripada mengantarabangsa pendidikan tinggi?" tanya beliau. -- lagi.

CNS7754

aab

Mahathir - UIA 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata ada pandangan bahawa universiti-universiti menyesuaikan diri atau "adapt" secara terlalu perlahan dengan perubahan dunia di sekeliling mereka.

"Adalah dikhuatiri sekiranya universiti-universiti tempatan dan institusi pendidikan yang lain masih mengokalkan acuan dan pemikiran tahun 50-an untuk menangani masalah dan menghadapi cabaran semasa dan tahun-tahun menjelang 2020, maka peluang untuk membangun negara sebagai pusat pendidikan tinggi antarabangsa akan terlepas begitu sahaja."

"Justeru itu, negara memerlukan model institusi yang lebih dinamik dan responsif," kata Perdana Menteri.

Mengenai kampus itu, beliau yakin imej UIA di kalangan masyarakat Islam antarabangsa akan diperingkatkan lagi. UIA ditubuhkan 10 tahun lepas dan ditempatkan di kampus sementara di Petaling Jaya.

Kampus baru itu terletak di kaawasan seluas 280 hektar dan fasa pertama yang menelan belanja RM321 juta dijadualkan siap akhir tahun depan.

Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Presiden UIA, Menteri Pendidikan Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud, Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib dan beberapa orang duta negara asing turut hadir pada majlis itu. -- Bernama

SJA NMO